

Dinodai bomoh ketika berubat

Dua gadis dirogol, seorang nyaris hilang dara

ERNEDA PASOLA

SABAK BERNAM – Seorang bomoh berusia 42 tahun ditahan polis kerana terbabit merogol dua gadis dan satu kes cubaan merogol.

Ketua Polis Daerah Sabak Bernam, Superintenden Noor Mushar Mohamad berkata, tindakan keji suspek bermula ketika berkunjung ke rumah keluarga salah seorang mangsa yang mempunyai pertalian kekeluargaan dengannya.

“Suspek bersama isteri datang ke rumah mangsa

dan menginap di situ. Pada 21 Mac lalu, kira-kira jam 11.45 malam dia kemudiannya masuk ke dalam bilik salah seorang anak keluarga terbabit dan cuba merogol mangsa yang sedang tidur.

“Bagaimana pun mangsa yang berusia 22 tahun berjaya menyelamatkan diri. Suspek kemudian ditangkap keluarga mangsa kira-kira jam 1.30 pagi, 22 Mac lalu dan laporan polis dibuat sejurus selepas itu,” katanya.

Susulan laporan tersebut, dua lagi mangsa tam-



pil membuat laporan menjadi mangsa rogol bomoh tersebut pada tarikh yang sama.

Salah seorang dari mangsa yang mempunyai pertalian kekeluargaan

“Percayaan terhadap kuasa bomoh menyebabkan orang ramai lebih mudah tertipu dan terpedaya.”

- Noor Mushar

dengan mangsa pertama mengaku dirogol pada 8 dan 15 Mac lalu. Manakala, seorang lagi mangsa, anak kenalan kepada mangsa pertama, mengaku dirogol pada September 2011.

Sinar 05/4/2011 SS.

Kedua-dua mangsa diperlakukan demikian ketika ketika cuba mendapatkan rawatan daripada bomoh tersebut di rumah mangsa pertama.

Noor Mushar berkata, orang ramai diingatkan tidak mudah terpedaya dengan pihak mengaku bomoh dan mampu menyembuhkan penyakit.

“Kepercayaan terhadap kuasa bomoh menyebabkan orang ramai mudah tertipu sehingga ada dalam kalangan mereka melarikan apa sahaja rawatan ganjil sehingga memakan

diri sendiri,” katanya.

Suspek mendapat arahan tiga pertuduhan di bawah seksyen 354 Kanun Keseksaan kerana cabul dan 376 kanun keseksaan kerana rogol.

Bagaimanapun, suspek masih lagi ditahan untuk siasatan lanjut kerana turut terlibat kes sama di tempat lain

HEBAHKAN
Aktiviti Komuniti Anda
Hubungi
Sinar Harian